

sains

# KERATAN AKHBAR

## 3 OKTOBER 2023

**NEW  
STRAITS TIMES**

**Star Kosmo!**

**Utusan  
MALAYSIA**

**Sinar  
berian**

**astro  
AWANI**

**NOGORI KITO**

**facebook**

**THE EDGE  
MARKETS**

**Sun**

**FMT  
news**

**malaysiakini**  
terkini untuk anda

**BERNAMA**

**MEDIA  
RANIA**

**星洲日報**  
SIN CHEW DAILY

**南洋商報**  
NANYANG SIANG PAU

**中國報**  
CHINA PRESS

**malaymail**

## SPAN harap Belanjawan 2024 beri keutamaan isu bekalan air negara

3 OKTOBER 2023  
SELASA



Pengerusi, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Charles Santiago. - NSTP/ARKIB

PUTRAJAYA: Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) berharap kerajaan dapat memberi keutamaan kepada isu bekalan air negara pada pembentangan Belanjawan 2024 dijadualkan pada 13 Oktober ini.

SAMBUNGAN

Pengerusinya, Charles Santiago, berkata beberapa isu utama harus diberi tumpuan untuk memastikan bekalan air negara terus terjamin untuk tempoh jangka panjang.

"Pertama yang perlu diberi tumpuan adalah naik taraf loji rawatan air di seluruh negara, selain membina beberapa loji baharu untuk menampung keperluan bekalan air.

"Secara umumnya, semua loji rawatan air di negara ini berada dalam keadaan stabil dan terkawal, tetapi masih ada ruang yang perlu untuk kita tingkatkan dan tambah baik," katanya kepada BH.

Isu kedua ialah mencari bekalan air alternatif 'no-potable' (bukan diminum), khususnya air tebus guna untuk digunakan industri.

Katanya, air tebus guna adalah alternatif penting yang boleh membantu memastikan penggunaan air terawat hanya dikhaskan untuk kegunaan harian pengguna.

"Selain itu, saya berpandangan kerajaan harus melabur meningkatkan kompetensi dalam sektor air dan pembentungan kerana ketika ini kita kekurangan tenaga kerja profesional dan mahir dalam bidang berkenaan.

"Seterusnya, isu air tidak terhasil (NRW) yang perlu ditangani dengan sebaiknya. Tahun lalu, negeri di Semenanjung dan Labuan merekodkan NRW sebanyak 34.4 peratus, peningkatan berbanding 33.4 peratus pada 2021," katanya.

Justeru, beliau sekali lagi berharap Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kerajaan dapat menyediakan peruntukan besar untuk sektor air dan pembentungan dalam Belanjawan 2024.

"Ini amat penting kerana kita tidak lagi boleh tangguh isu berkaitan air, ini adalah isu kehidupan dan keselamatan," katanya.